



Jebat Putra
menunjukkan
cara adunan
baja komposit.

tri pertanian dan meraih pendapatan tanpa had dengan memanfaatkan kepakaran asas saya,” katanya ketika ditemui di Loji Penghasilan Baja Biokompos UPM, Serdang.

Produk selamat

Jebat Putra memasarkan baja dihasilkan Kumpulan Penyelidikan Bioteknologi Semulajadi (EB Group), Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekular UPM menggunakan jenama Bunch, menerusi syarikatnya, World Garage Resources (WGR).

Beliau berkata, antara kelebihan baja organik itu ialah ia selamat dan halal berikutan dihasilkan daripada tandan kosong kelapa sawit, mengurangkan risiko jangkitan penyakit bagi jangka masa panjang, menjimatkan kerana hanya perlu digunakan pada kadar sedikit serta dapat menyubur dan meneutralkan keasidan tanah.

Percubaan pertama beliau memperkenalkan baja itu kepada umum menerusi Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia pada akhir tahun lalu membolehkan hasil apabila 170 paket baja dijual.

“Pengunjung pameran tertarik dengan penghasilan baja berasaskan tumbuhan ini berbanding kebanyakan baja berasaskan najis haiwan yang boleh mengakibatkan penyakit

kepada pokok.

“Saya menjual baja ini pada harga RM8 satu paket kecil satu kilogram sementara untuk kegunaan pada skala besar turut ditawarkan baja dalam guni dengan berat 25 kilogram yang berharga RM87,” katanya.

Luaskan pasaran

Walaupun belum memiliki premis tetap perniagaan yang diusahakan sejak Januari lalu, Jebat Putra aktif menyertai pelbagai pameran dan ekspo perniagaan bagi mengetengahkan produk pertanian berpotensi tinggi itu.

Terbaru, beliau menyertai sesi padan suai anjuran Pameran Halal Antarabangsa (MIHAS) yang membuka peluangnya berinteraksi dengan wakil syarikat luar negara terutama daripada Asia Barat.

“Saya kini dalam proses perbincangan dengan usahawan dari Turki yang bukan saja berminat mendapatkan baja organik keluaran UPM ini, tetapi juga mahu membeli arang untuk memasak.

“Projek penghasilan arang berasaskan tandan kelapa sawit untuk eksport kini pada peringkat akhir kajian oleh EB Group dan berpotensi dikomersialkan hingga ke luar negara,” katanya.

Orang tengah

Jebat Putra berkata, beliau juga bersedia menjadi orang tengah bagi menguruskan pengkomersialan teknologi penghasilan baja EB Group untuk digunakan di kawasan perladangan kelapa sawit jika ada permintaan.

“Negara kita mengimport hampir 4.2 juta tan baja kimia dan bukan organik bernilai purata RM5.6 bilion setahun. Daripada keseluruhan baja yang diimport ini, sebanyak 75 peratus digunakan di ladang kelapa sawit.

“Kita mempunyai kira-kira 4.7 juta hektar ladang kelapa sawit dan menjana hampir 93 juta tan sisa biomas termasuk tandan buah kosong berpotensi besar untuk ditukarkan kepada bionutrien melalui proses biokimia untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

“Walaupun saya tidak mempunyai kepakaran khusus dalam bidang pertanian, kerjasama dengan EB Group membolehkan saya memahami asas penghasilan produk berkaitan serta membantu mereka memasarkannya hingga ke luar negara,” katanya.

Maklumat lanjut produk, layari bahteraGR.wix.com/bunchorganic.

Usahawan **baja** » Jebat Putra **pasarkan baja diperbuat** daripada tumbuhan

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@mediaprima.com.my

► Serdang

Pertanian lazimnya dianggap bidang kurang menarik kerana dikaitkan dengan cuaca panas, mengerah keringat, tidak bergaya, pendapatan tidak lumayan dan pelbagai lagi alasan kurang matang.

Bagaimanapun, graduan bidang teknologi maklumat dan pengurusan perniagaan, Jebat Putra Mohd, menongkah arus dengan mengusahakan perniagaan pengedaran baja organik.

Beliau menceburi bidang itu bagi

menyokong dasar kerajaan untuk mengurangkan import baja dari luar negara dan menyertai program Inkubasi Usahawan Tani (IUT) kelo- laan Universiti Putra Malaysia (UPM) tahun lalu sebagai langkah awal.

“Penyertaan dalam IUT memberi pendedahan mengenai cara penghasilan baja berasaskan tumbuhan yang lebih selamat dan pelbagai aspek pengurusan lain. Pengetahuan dan pemahaman mengenai penghasilan produk ini penting bagi memudahkan saya meyakinkan pelanggan mengenai kelebihan produk ini.

“Walaupun menamatkan pengajian dengan Kolej Cosmopoint dan Open University Malaysia, latihan singkat dengan UPM menerusi IUT memberikan alternatif kepada saya untuk berada dalam jaringan indus-



Jebat Putra
menunjukkan produk
yang dihasilkan beliau.